



Program kerajaan dan pola pengundian PRU-13 di Selangor

Muhammad Shamshinor Abdul Azzis¹, Mohd Azri Ibrahim², Sity Daud³, Farid Wajdi Mohd Nor¹

¹Institut Kajian Sosial Selangor, Universiti Selangor, ²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, ³Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Muhammad Shamshinor Abdul Azzis (email: shamshinor@unisel.edu.my)

Abstrak

Dalam perspektif politik nasional, penguasaan terhadap kepimpinan politik Selangor adalah signifikan. Selangor yang merupakan negeri termaju di Malaysia dan jumlah penduduk paling ramai serta mempunyai populasi yang turut mewakili demografi Malaysia telah memperlihatkan kepelbagaian program kerajaan dari kedua-dua peringkat kerajaan seterusnya mempengaruhi pola pengundian di Selangor dalam Pilihan Raya Umum ke-13. Justeru, persepsi pengundi di Selangor terhadap program kerajaan pusat oleh Barisan Nasional dan kerajaan negeri oleh Pakatan Rakyat adalah signifikan untuk analisis penerimaan pengundi terhadap program tersebut. Kajian ini membandingkan tanggapan pengundi Selangor terhadap prestasi program kerajaan negeri (PKR) dan kerajaan persekutuan (BN). Berdasarkan hasil kajian di lapangan yang telah dijalankan pada 1 Februari hingga 30 Mac 2013 dengan menggunakan metodologi campuran yang melibatkan pengambilan sampel secara rawak seramai 1,015 pengundi Selangor merangkumi 56 Dewan Undangan Negeri dan 26 kawasan Parlimen. Analisis kajian mendapati bahawa skor bagi program kerajaan negeri yang ditanggapi baik oleh pengundi Selangor adalah hampir tujuh peratus lebih tinggi daripada skor program kerajaan persekutuan. Ekorannya ialah kemenangan bagi Pakatan Rakyat di peringkat negeri dengan majoriti 2/3. Keadaan ini sangat berbeza dengan pilihanraya sebelumnya iaitu pilihanraya 1959-2004 yang secara jelas memperlihatkan sokongan padu pengundi Selangor kepada program parti Barisan Nasional.

Katakunci: kerajaan negeri, kerajaan pusat, parti politik, pilihanraya, pola pengundian, tanggapan pengundi

Government programmes and the GE-13 voting pattern in Selangor

Abstract

In Malaysia's national politics, which political party gets to dominate the state of Selangor is crucially significant. Being the most advanced, the most populous, and the most representative demographically, Selangor provides a good illustration of the influence of government programmes on the voting pattern of the last 13th General Elections (GE-13), in particular, when examined via the perception of Selangor voters. This study compares and contrasts Selangor voters' perceptions of programmes implemented by the Pakatan Rakyat state government led by the People Justice Party (PKR) and those of the Barisan Nasional federal government (BN). Based on findings of field surveys conducted between February and Mac 2013 the study randomly sampled 1,015 voters of Selangor's 56 state assembly and 26 parliamentary seats. Data analyses showed that the scores obtained by positively perceived programmes were almost seven percent higher for programmes implemented by the state government than those initiated by the federal government. Hence the victory of the Pakatan Rakyat at the state level with a 2/3 majority. This contrasted sharply with previous general elections of 1959-2004 where Selangor voters always gave undivided support for the Barisan Nasional's programmes.

Keywords: elections, federal government, political parties, state governments, voter perceptions, voting patterns

Pengenalan

Dalam perspektif politik nasional, penguasaan terhadap kepemimpinan politik Selangor adalah signifikan. Selaras dengan itu, keputusan Pilihanraya Umum ke-12 pada 2008 telah menunjukkan kelangsungan kuasa kerajaan pimpinan Barisan Nasional di peringkat persekutuan dan peralihan kuasa kerajaan negeri kepada pimpinan baru oleh Pakatan Rakyat. Selangor yang merupakan negeri termaju di Malaysia dan jumlah penduduk paling ramai serta mempunyai populasi turut menyerupai demografi Malaysia telah memperlihatkan kepelbagaian program kerajaan dari kedua-dua peringkat kerajaan seterusnya mempengaruhi pola pengundian di Selangor dalam Pilihan Raya Umum ke-13. Justeru, persepsi pengundi di Selangor terhadap program kerajaan pusat oleh Barisan Nasional dan kerajaan negeri oleh Pakatan Rakyat adalah signifikan untuk analisis penerimaan pengundi terhadap program tersebut.

Umumnya, konsep kerajaan mempunyai beberapa pengertian asas, yang umumnya merujuk kepada kuasa dan pengawalan dalam sesebuah wilayah yang dikaitkan dengan negara. Sity (2003:18-19) mengklasifikasikan negara kepada tiga perspektif utama iaitu sebagai sebuah wilayah berkedaulatan, sistem kerajaan dan sekumpulan elit yang berkuasa. Ini kerana kerajaan mempunyai kuasa kawalan untuk menentukan halatuju pembangunan, sama ada ke arah kemajuan atau kemunduran yang berorientasikan autoriti politik dalam wilayah tertentu (Leicht & Jenkins 2010:43). Justeru, negara dalam kajian ini dirujuk sebagai elit kerajaan yang mempunyai kuasa kawalan dalam pelaksanaan sesuatu dasar. Walaupun agenda globalisasi dan fahaman neoliberal telah melangkaui sempadan negara di seluruh dunia, namun campur tangan kerajaan tetap signifikan. Ini kerana negara (baca:kerajaan) adalah penggerak utama kepada perancangan dan pelaksanaan sesuatu polisi untuk rakyat dalam wilayah kekuasaannya. Justeru, kerajaan merupakan organisasi sosial dan politik yang signifikan dalam era moden serta bertanggungjawab kepada pelaksanaan aspirasi pembangunan (Castells 1996:7; Weiss 2003:30). Dalam kerangka pilihanraya, kuasa dan kawalan kerajaan dalam menggubal dan melaksanakan sesuatu program adalah signifikan dalam mempengaruhi pola pengundian pengundi.

Pelaksanaan dasar kerajaan yang efisien berupaya mempengaruhi pola pengundian berdasarkan penerimaan masyarakat terhadap keberkesanan sesuatu program yang dijalankan. Perkembangan persepsi ini akan membentuk kecenderungan masyarakat untuk mengundi parti yang berkemampuan menangani pelbagai isu dalam kehidupan seharian rakyat. Justeru, program yang dilaksanakan kerajaan berupaya membentuk dua senario yang bertentangan; peluang kepada kerajaan yang didasari gelombang sokongan dari pengundi atau menyebabkan penolakan pengundi akibat kelemahan dalam pelaksanaan program. Pelaksanaan dasar kerajaan yang efisien berupaya mempengaruhi pola pengundian berdasarkan penerimaan masyarakat terhadap keberkesanan sesuatu program yang dijalankan. Perkembangan persepsi ini akan membentuk kecenderungan masyarakat untuk mengundi parti yang berkemampuan menangani pelbagai isu dalam kehidupan seharian rakyat. Justeru, program yang dilaksanakan kerajaan berupaya membentuk dua senario yang bertentangan; peluang kepada kerajaan yang didasari gelombang sokongan dari pengundi atau menyebabkan penolakan pengundi akibat kelemahan dalam pelaksanaan program.

Oleh yang demikian, satu kajian bertajuk 'Impak program kerajaan terhadap pola pengundian di Selangor Menjelang PRU-13' telah dijalankan oleh Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor. Kajian ini telah dijalankan dalam tempoh 2 bulan iaitu bermula 1 Februari hingga 30 Mac 2013. Kajian yang menggunakan metodologi campuran (Creswell, 2008) ini melibatkan pengambilan sampel secara rawak seramai 1,015 pengundi Selangor yang merangkumi 56 Dewan Undangan Negeri dan 26 kawasan Parlimen. Skop kajian ini ialah pelaksanaan program kerajaan di Selangor yang telah memperlihatkan senario federalisme yang unik iaitu pertembungan program dan kepelbagaian isu yang dibawa oleh dua peringkat kerajaan pimpinan parti yang berbeza iaitu Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat bagi mempengaruhi pola pengundian. Dalam konteks kajian ini, strategi kerajaan pusat dan negeri dalam mempengaruhi pola pengundian di Selangor berasaskan prinsip federalisme ini dihuraikan melalui kecenderungan tren pengundian berdasarkan program kerajaan. Kajian ini menumpu kepada persepsi terhadap program kerajaan, ketokohan pemimpin politik Selangor serta isu yang mempunyai impak politik terhadap pola pengundian oleh pengundi di Selangor dalam PRU 13.

Program kerajaan dan pola pengundian di Malaysia

Perbincangan tentang program kerajaan dan pola pengundian adalah didasari oleh sorotan kajian lepas dari beberapa sarjana autoritatif dan kontemporari. Selaras dengan objektif kajian dan persoalan kajian, perbincangan ini memfokuskan kepada peranan kerajaan dalam mempengaruhi kecenderungan sesuatu pola pengundian dalam pilihanraya, khususnya di Malaysia. Literatur yang digarap mengutarakan perkaitan antara program kerajaan ini dengan pola pengundian berdasarkan pilihan raya umum dan pilihan raya kecil yang telah dikaji oleh barisan sarjana. Penemuan sarjana ini adalah signifikan sebagai asas pandangan korpus ilmu politik yang berkaitan seterusnya mencari ruang kekosongan dalam penyelidikan tersebut.

Dari aspek hubungan program pembangunan ekonomi oleh kerajaan dan pola pengundian, Ser Kuang Keng (2012) dan Junaidi et. al. (2011) menghujahkan faktor peralihan dan peningkatan undi majoriti kepada Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil Parlimen Hulu Selangor pada tahun 2011 adalah didorong oleh pelbagai bentuk janji ekonomi oleh kerajaan. Strategi Barisan Nasional menjanjikan projek Perumahan Warga FELDA bagi Gugusan Sungai Dusun, bantuan RM 90,000 untuk Perkuburan Kwang Tung Ulu Yam selain pelbagai program pembangunan infrastruktur seperti kumbahan, perparitan, jalan dan tempat rekreasi telah mengimpak kepada pola pengundian yang cenderung terhadap Barisan Nasional. Manakala di pihak Pakatan Rakyat, strategi pemberian geran sebanyak RM 205,000 untuk 7 buah sekolah Tamil di Hulu Selangor dan RM 190,000 untuk sekolah Cina (Ser Kuang Keng 2012: 133) menunjukkan penawaran sesuatu program kerajaan turut dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor yang dipimpin Pakatan Rakyat dalam kempen pilihanraya. Justeru, pertembungan strategi oleh kedua-dua parti ini menunjukkan bahawa aplikasi program kerajaan dalam mempengaruhi pola pengundian adalah signifikan.

Selain itu, program pembangunan oleh kerajaan turut dibincangkan oleh Wei Hoong (2012) yang memfokus kepada Pilihanraya Kecil di kawasan Kerdu, Pahang pada 2011. Program pembangunan ekonomi telah dijanjikan serta dilaksanakan oleh Barisan Nasional melalui kementerian seperti peruntukan pembangunan infrastruktur sebanyak RM 220,000 bagi Kampung Baru Kerdu, RM 2 juta bagi masjid baru di Kampung Gunung Senyum, RM 50,000 untuk Rumah Orang Tua Cina serta RM 100,000 bagi pembinaan sekolah tamil di Kerdu (Wei Hoong, 2012: 211). Justeru, senario pemberian peruntukan untuk program pembangunan seperti ini menunjukkan bahawa unsur etnik dan perkauman masih menjadi elemen penting dalam pertimbangan pelaksanaan sesebuah program pembangunan oleh kerajaan bagi mempengaruhi pola pengundian. Analisis ini turut didasari oleh strategi program kerajaan dalam menangani isu yang menjadi polemik dalam masyarakat seperti kenaikan harga barang, peluang pekerjaan, kesamarataan serta integriti (Samsudin A. Rahim, 2010). Ini kerana keberkesanan sesuatu program kerajaan dalam mempengaruhi pola pengundian menuntut kerajaan memahami senario semasa masyarakat yang menjadi kumpulan pengundi dalam sesuatu pilihanraya

Manakala Ng (2003) pula membincangkan pola pengundian etnik Cina dalam tiga parti yang didominasi etnik Cina iaitu Gerakan, MCA dan DAP pada tahun 1999 adalah didorong oleh pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang secara tidak langsung memperkasakan kepentingan masyarakat Cina. Ini menunjukkan bahawa pilihan rasional pengundi yang didasari oleh keuntungan peribadi merupakan faktor penting dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu program pembangunan oleh kerajaan. Seterusnya, Ghazali Mayudin (2002) telah membincangkan aspek yang berkaitan dengan demokrasi dan pilihanraya di Malaysia iaitu dari aspek tingkah laku pengundi. Menurut Ghazali, terdapat tiga pendekatan yang boleh dilihat dalam kajian tentang kelakuan mengundi atau pola pengundian iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Beliau menambah ketiga-tiga pendekatan ini boleh dikaji dan dianalisis berdasarkan kepada proses pilihanraya di Malaysia. Ini kerana ketiga-tiga pendekatan tersebut berkaitan antara satu sama lain dan relevan dalam konteks pilihanraya di Malaysia. Justeru, faktor program kerajaan merupakan elemen penting yang mempengaruhi kecenderungan sesuatu pola pengundian dalam pendekatan tersebut.

Seterusnya, Abdul Rashid Morten & Tunku Abdul Mohar (2006) pula menghujahkan kemenangan Barisan Nasional pada tahun 2004 adalah disebabkan kepesatan ekonomi Malaysia sejak tahun 1999. Kejayaan program kerajaan menyumbang kepada penurunan statistik kadar pengangguran pada tahap 3.8% sahaja manakala kadar inflasi di tahap 1.2% turut mengimpak kepada kemenangan Barisan Nasional pada pilihanraya pada tahun tersebut. Menurut Rizal Yaakop dan Ghazali Mayudin (2008) faktor ekonomi juga merupakan salah satu faktor penentu dalam pemilihan calon dalam pilihanraya negeri Sarawak pada tahun 2006. Kenaikan harga diesel dan petrol sebanyak 30sen seliter pada 28 Februari 2006 mengakibatkan ramai calon SUPP pada ketika itu tewas kepada calon DAP dengan persepsi bahawa SUPP tidak bersungguh-sungguh dalam isu kenaikan harga minyak di Sarawak yang merupakan negeri pengeluar minyak utama di Malaysia. Kajian Ramlan Johari (2012) turut menghujahkan kepentingan program ekonomi berdasarkan kepada kegagalan PAS mempertahankan kerusi DUN Galas dalam pilihanraya kecil pada 2010. Ini berikutan strategi kerajaan iaitu kerajaan negeri Kelantan dalam pelaksanaan program Ladang Rakyat yang menyumbang kepada penebangan hutan yang memberikan impak negatif secara langsung kepada masyarakat Orang Asli yang merangkumi 16.35% pengundi di Galas (Ramlan, 2012: 164). Kelemahan pengurusan program kerajaan ini membuka ruang peralihan sokongan Orang Asli kepada Barisan Nasional melalui program pembinaan 200 buah rumah awam oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang melibatkan peruntukan RM 10.8 juta.

Kajian lepas telah menunjukkan hubungan antara program kerajaan dan pola pengundian dalam beberapa pilihanraya umum dan pilihanraya kecil di pelbagai negeri melalui analisis yang dibahaskan oleh para sarjana secara akademik dan menarik. Namun, perbincangan dalam kajian lepas tersebut mempunyai beberapa keterbatasan dan kekurangan. Pertama, tiada satupun kajian sarjana yang secara komprehensifnya menganalisis program kerajaan pusat dan negeri serta pola pengundian di Selangor selaku negeri yang mempunyai bilangan penduduk paling ramai di Malaysia. Kedua, masih tiada sebarang kajian yang membahaskan secara mendalam mengenai program kerajaan dan pola pengundian pengundi di Selangor terutamanya selepas pembentangan Bajet 2012. Ketiga, tidak terdapat satupun kajian yang menganalisis persepsi pengundi terhadap parti politik yang akan dipilih menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 khususnya di peringkat semua 26 kerusi Parlimen dan 56 kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor. Justeru, kajian ini mengisi kekosongan ruang penyelidikan tersebut.

Selangor dan pilihanraya umum


Tumpuan pilihanraya umum di Malaysia sering memfokus kepada pembinaan kerajaan di beberapa negeri yang dianggap maju, khususnya Selangor. Jadual 1. di bawah jelas menunjukkan penguasaan parti Perikatan/Barisan Nasional terhadap pilihanraya peringkat negeri Selangor bermula tahun 1959 sehingga 2013. Bermula pilihanraya umum 2008 sehingga 2013 dominasi Barisan Nasional telah dinafikan oleh gagasan Pakatan Rakyat iaitu kerjasama parti politik PAS, DAP dan PKR. Ini terbukti dengan kejayaan Pakatan Rakyat menguasai negeri Selangor pada pilihanraya umum 2008 dengan memenangi 36 kerusi daripada 56 kerusi dan seterusnya mengekalkan momentum kemenangan pada pilihanraya umum ke-13 dengan memenangi sebanyak 44 kerusi daripada 56 kerusi yang dipertandingkan iaitu kemenangan 2/3 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Pilihanraya umum ke-13 peringkat negeri Selangor menjadi tumpuan umum dan pemerhati politik kerana status negeri Selangor sebagai negeri maju. Persaingan parti politik Barisan Nasional dan pakatan PAS, DAP serta PKR memperlihatkan kesungguhan parti-parti politik tersebut memenangi pilihanraya di peringkat negeri Selangor serta kerusi-kerusi di peringkat Parlimen. Negeri Selangor telah memperuntukan sebanyak 22 kerusi Parlimen dan 56 kerusi Dewan Undangan Negeri dengan bilangan pengundi seramai 2,048,828 orang pemilih. Manakala komposisi pengundi berdasarkan kaum pula memperlihatkan kaum Melayu adalah seramai 50.21%, kaum Cina seramai 34.06%, kaum India seramai 14.39% dan lain-lain kaum seramai 1.34%. Rajah 1. memperlihatkan secara jelas komposisi pengundi di Selangor berdasarkan etnik.

Jadual 1. Latar belakang PRU Negeri Selangor bagi kerusi DUN

Tahun PRU	Jumlah Kerusi	Perikatan/ B. Nasional	Parti PAS	Part DAP	Parti PKR	Lain-Lain Parti/Calon Bebas
1959	28	23	-	-	-	3 (SF) 2 (Calon Bebas)
1964	28	24	-	-	-	4 (SF)
1969	28	14	-	9	-	4 (GRM) 1 (Calon Bebas)
1974	33	30	-	1	-	2 (Calon Bebas)
1978	33	29	-	3	-	1 (Calon Bebas)
1982	33	31	-	2	-	1 (Calon Bebas)
1986	42	37	-	5	-	-
1990	42	35	-	6	-	1 (S46)
1995	48	45	-	3	-	-
1999	48	43	4	-	1	-
2004	56	54	-	2	-	-
2008	56	20	8	13	15	-
2013	56	12	15	15	14	-

Sumber: Laporan PRU 12: SPR



Rajah 1. Pengundi di Selangor berdasarkan etnik (2013)


Keputusan pilihanraya di peringkat negeri Selangor telah memperlihatkan parti-parti gabungan Pakatan Rakyat telah memenangi pilihanraya bagi kerusi DUN Selangor dengan 44 kerusi manakala parti Barisan Nasional hanya memenangi sebanyak 12 kerusi DUN sahaja. Keputusan ini merupakan kemenangan 2/3 bagi parti-parti Pakatan Rakyat dan keputusan ini adalah lebih baik berbanding keputusan pilihanraya umum ke-12. Manakala di peringkat kerusi Parlimen pula, Pakatan Rakyat telah berjaya memenangi sebanyak 17 kerusi dan Barisan Nasional pula sebanyak 5 kerusi. Sila rujuk Jadual 2. untuk gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan keputusan pilihanraya umum ke-13.

Jadual 2. Keputusan Pilihanraya Umum ke-13 Negeri Selangor

Parti-Parti Politik	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
Barisan Nasional	5	12
PAS	4	15
PKR	9	14
DAP	4	15
BERJASA	0	0
KITA	0	0
PSM	0	0
JUMLAH	22	56

Sumber: SPR.com

Jadual 2. di atas secara jelas menunjukkan Pakatan Rakyat (PAS, DAP dan PKR) telah berjaya membentuk kerajaan peringkat negeri Selangor dengan memenangi sebanyak 44 kerusi daripada 56 kerusi yang dipertandingkan manakala Barisan Nasional hanya berjaya memenangi 12 kerusi DUN sahaja. Manakala kerusi Parlimen pula menunjukkan Pakatan Rakyat memenangi lebih kerusi berbanding Barisan Nasional iaitu 17 kerusi dan BN hanya 5 kerusi sahaja. Fakta ini dipermudahkan melalui Rajah 2 dibawah.



Rajah 2. Keputusan kerusi parlimen dan DUN Selangor

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang keputusan pilihanraya umum ke-13 peringkat negeri Selangor, huraian dan perbincangan seterusnya adalah berdasarkan kepada undi popular bagi parti-parti politik yang bertanding. Huraian undi popular adalah penting untuk dihurai kerana ianya menggambarkan bilangan sebenar pengundi yang mengundi berdasarkan sesebuah parti politik yang bertanding. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas, sila rujuk Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 3. adalah jelas bilangan dan peratusan undi popular yang dimenangi oleh parti-parti politik yang bertanding. Bilangan undi dan peratusan undi popular yang diperolehi oleh kerjasama parti-parti politik dalam Pakatan Rakyat iaitu PAS, PKR dan DAP telah melebihi undi popular yang dimenangi oleh Barisan Nasional bagi kedua-dua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Jadual 3. Bilangan undi popular kerusi parlimen dan DUN: PRU 13 di Selangor

Parti Politik/Undi Popular	Kerusi Parlimen	Kerusi DUN
Barisan Nasional	695,502 (38.73%)	694,496 (39.33%)
PAS	270,506 (15.06%)	366,526 (20.75%)
PKR	520,950 (29.02%)	353,438 (20.01%)
DAP	253,302 (14.10%)	310,744 (17.60%)
PSM	-	5,568 (0.32%)
BERJASA	14,895 (0.83%)	1,014 (0.06%)
KITA	-	688 (0.04%)
BEBAS	14,307 (0.80%)	10,427 (0.60%)
UNDI ROSAK	26,294 (1.46%)	22,866 (1.30%)
JUMLAH UNDI	1,795,756 (100%)	1,765,765 (100%)


Sumber: SPR.com

Program Kerajaan Persekutuan di Selangor

Kajian ini telah memilih untuk mengenal pasti persepsi pengundi Selangor terhadap pelaksanaan program anjuran Kerajaan Persekutuan. Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang menggunakan skala likert dan soalan *closed-ended* telah diberikan kepada sampel secara rawak mudah. Selaras dengan itu, lima program diutarakan dalam soal selidik iaitu:

- 1) Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) 2.0
- 2) Bantuan RM 100 untuk Pelajar Sekolah
- 3) Baucer Buku RM 250 untuk Penuntut IPT
- 4) Rebat RM 200 telefon pintar kepada belia dibawah umur 30 tahun
- 5) Skim Perumahan 1Malaysia (PR1MA)


Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) 2.0



Rajah 3. Bantuan Rakyat 1 Malaysia

Rajah 3. di atas jelas menunjukkan sebilangan besar responden (mengikut kaum) menyatakan sokongan terhadap program BR1M dan BR1M 2.0 yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan. Ini menunjukkan bahawa program yang berbentuk bantuan kewangan secara terus kepada masyarakat menerima persepsi yang positif. Justeru, strategi dan kaedah pemberian yang sistematik akan menyumbang sokongan berterusan kepada program ini.


Bantuan RM 100 untuk pelajar sekolah



Rajah 4. *Bantuan RM100 Pelajar Sekolah*

Rajah 4. di atas menunjukkan program bantuan RM100 kepada pelajar sekolah dan secara jelas menggambarkan penerimaan program yang berbentuk bantuan kewangan kepada pelajar sekolah oleh sebilangan besar responden. Responden dalam lingkungan umur 21-30 tahun adalah paling tinggi bagi sokongan terhadap bantuan ini berbanding umur 31-40 tahun. Ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan program ini mengimpak kepada persepsi positif terhadap program kerajaan persekutuan oleh golongan muda yang merupakan majoriti pengundi dalam PRU-13.


Baucer buku RM 250 untuk penuntut IPT



Rajah 5. *Program Baucer Buku IPT*

Berdasarkan Rajah 5. di atas secara konsisten responden menyokong baik program baucer buku di IPT. Responden dalam lingkungan umur 21-30 tahun lebih menyokong berbanding lingkungan umur 31-40 tahun. Ini menjelaskan bahawa responden tersebut menyokong bantuan baucer buku memandangkan mereka merupakan penerima bantuan tersebut dan mereka berpendapat bahawa bantuan tersebut adalah suatu pemberian yang dapat membantu pelajar di IPT membeli buku. Secara umumnya, responden sangat menyokong program ini kerana ianya sangat bermanfaat kepada mereka.


Skim Perumahan 1Malaysia (PRIMA)



Rajah 6. *Skim Perumahan 1 Malaysia*


Berdasarkan Rajah 6. di atas, program bantuan perumahan mendapat persepsi positif dari responden. Senario ini menunjukkan responden dalam lingkungan umur 21-40 tahun sangat menyokong penuh bantuan perumahan ini. Hal ini selari dengan peningkatan hartanah di seluruh negara, khususnya di kawasan Lembah Kelang. Justeru, majoriti responden berpandangan bahawa program ini merupakan platform bagi mereka untuk memiliki rumah sendiri.

Rebat RM 200 telefon pintar kepada belia di bawah umur 30 tahun



Rajah 7. *Rebat RM200 telefon pintar*

Berdasarkan kepada Rajah 7. di atas, program bantuan kerajaan persekutuan terhadap rebat RM200 bagi pembelian telefon pintar menunjukkan secara majoriti responden menyokong dan responden berumur 21-30 tahun merupakan golongan yang paling menyokong berbanding responden berumur dalam lingkungan 31-40 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa skim program ini adalah baik tetapi ianya perlu ditambah baik dari aspek golongan sasaran dan pelaksanaannya. Umumnya, perbandingan program kerajaan persekutuan menjelang PRU-13 dapat dilihat berdasarkan Rajah 8. di bawah.




Rajah 8. Sokongan terhadap program Kerajaan Pusat

Program Kerajaan Negeri Selangor

Pelaksanaan dasar ‘Merakyatkan Ekonomi Selangor’ (MES) merupakan dasar payung yang dijalankan oleh Pakatan Rakyat pasca Pilihanraya ke-12 pada 2008. Bermula dengan pelaksanaan tujuh program di awal pentadbiran, kerajaan negeri Selangor pimpinan Pakatan Rakyat telah melaksanakan tujuh belas program MES. Kajian ini memilih untuk menganalisis lima program utama dalam MES yang signifikan dalam mempengaruhi pola pengundian di Selangor dalam PRU-13 pada 2013.

Bekalan air percuma 20 meter padu setiap bulan




Rajah 9. Program bekalan air percuma

Rajah 9. di atas secara jelas menunjukkan program bantuan air percuma yang dilaksanakan oleh kerajaan Selangor telah mendapat sokongan majoriti daripada responden. Hasil kajian juga mendapati

peraksanaan program ini adalah signifikan dalam kalangan pengundi berdasarkan majotiti sampel berpandangan bahawa program ini adalah baik dan sangat baik. Ini menunjukkan bahawa program dan pelaksanaan bantuan air percuma ini adalah mendapat sokongan masyarakat dan ianya harus diteruskan selaras dengan penambahbaikan yang berterusan.


Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)



Rajah 10. Program TAWAS

Berdasarkan Rajah 10. di atas, majoriti responden merentasi kaum menilai program TAWAS sebagai baik dan sangat baik. Ini menjelaskan bahawa program ini adalah bermanfaat kepada masyarakat. Namun, dapatan kajian turut mengutarakan isu capaian maklumat berkaitan program ini dalam kalangan masyarakat di Selangor. Oleh itu adalah diharapkan program ini dapat disebarluaskan kepada seluruh masyarakat agar semua pihak mendapat manfaat daripada program ini.


Baucar RM 100 'Jom Shopping' untuk warga emas



Rajah 11. Program Jom Shopping warga emas


Rajah 11. menunjukkan bahawa program *Jom Shopping* bagi warga emas Selangor telah mendapat sokongan secara majoriti responden. Secara umumnya responden melihat pelaksanaan program ini adalah baik dan sangat baik. Bagi responden atau pengundi dalam lingkungan umur 21-30 tahun melihat program untuk warga emas ini adalah baik dan pelaksanaannya sangat berkesan. Ini menunjukkan bahawa golongan muda sebagai responden menilai program kerajaan Selangor ini sangat baik dan bermanfaat kepada warga emas bagi memenuhi keperluan harian mereka.

Hadiah anak masuk universiti – RM 100



Rajah 12. Program hadiah anak masuk universiti

Berdasarkan Rajah 12. di atas, program bantuan anak masuk universiti adalah baik dan pelaksanaannya juga dinilai oleh sebilangan besar responden sebagai sangat baik. Dapatan menunjukkan bahawa majority responden dalam lingkungan umur 31-40 tahun telah menilai pelaksanaan program ini sebagai baik dan sangat baik berbanding responden dalam lingkungan umur 21-30 tahun. Rajah 13. menunjukkan perbandingan terhadap persepsi ke atas tujuh program kerajaan negeri Selangor menjelang PRU-13 pada 2013.



Rajah 13. Sokongan terhadap program Kerajaan Negeri

Perbandingan tanggapan responden antara program Kerajaan Persekutuan dengan program Kerajaan Negeri Selangor

Tanggapan responden terhadap lima program Kerajaan Persekutuan dan lima program Kerajaan Negeri Selangor dimuatkan dalam Jadual 4 dan 5. Daripada Jadual tersebut didapati bahawa program BRIM dan BRIM 2.0 menduduki peringkat tertinggi bagi program Kerajaan Persekutuan (81.2%), manakala program bekalan air percuma 20 meter padu setiap bulan, menduduki peringkat tertinggi bagi program Kerajaan Negeri Selangor (88.5%).

Jadual 4. Tanggapan responden terhadap lima program Kerajaan Persekutuan

Bil.	Program Kerajaan Persekutuan	Baik (%)	Sederhana (%)	Lemah (%)
1.	Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) 2.0	81.2	13.5	5.3
2.	Baucer Buku RM 250 untuk Penuntut IPT	80.4	13.7	5.9
3.	Bantuan RM 100 untuk Pelajar Sekolah	72.5	20.0	7.5
4.	Skim Perumahan 1Malaysia (PR1MA)	71.8	18.5	9.7
5.	Rebat RM 200 telefon pintar kepada belia dibawah umur 30 tahun	57.8	22.8	19.4
	Purata % (N=5)	72.7	17.7	9.6

Sumber: Berdasarkan Rajah 8.

Jadual 5. Tanggapan responden terhadap lima program Kerajaan Negeri Selangor

Bil.	Program Kerajaan Negeri Selangor	Baik (%)	Sederhana (%)	Lemah (%)
1.	Bekalan air percuma 20 meter padu setiap bulan	88.5	7.9	3.6
2.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	78.7	10.4	10.9
3.	Hadiah anak masuk universiti – RM 100	78.1	11.9	10.0
4.	Khairat kematian RM2,500	77.8	9.8	12.4
5.	Bantuan mikrokredit	74.9	13.5	11.6
	Purata % (N=5)	79.6	10.7	9.7

Sumber: Berdasarkan Rajah 13.

Berdasarkan Jadual 6. didapati bahawa terdapat perbezaan sebanyak 6.9 % pencapaian Kerajaan Persekutuan jika dibandingkan dengan Kerajaan Negeri. Atau boleh dinyatakan bahawa sebanyak 6.9% responden menyatakan bahawa program Kerajaan Negeri Selangor masih lebih baik jika dibandingkan dengan Kerajaan Persekutuan.

Jadual 6. Perbezaan pencapaian antara program Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor

Bil.	Program Kerajaan	Baik (%)	Sederhana (%)	Lemah (%)
1.	Prestasi program Kerajaan Persekutuan Purata % (N=5)	72.7	17.7	9.6
2.	Prestasi program Kerajaan Negeri Purata % (N=5)	79.6	10.7	9.7
3.	Perbezaan pencapaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	(-) 6.9	(+) 7.0	(-) 0.1

Kesimpulan

Pilihanraya umum ke-13 di peringkat negeri Selangor telah memperlihatkan kesungguhan dan iltizam yang tinggi oleh parti-parti politik yang bertanding. Parti Barisan Nasional dan juga parti-parti Pakatan Rakyat telah berjuang dalam pentas pilihanraya bagi memperolehi kemenangan. Pelaksanaan pelbagai program untuk rakyat bagi membuktikan kemampuan dan kelebihan parti masing-masing dalam kerangka federalism adalah signifikan dalam mempengaruhi pola pengundian. Kejayaan Pakatan Rakyat memenangi pilihanraya peringkat DUN di Selangor dengan majoriti 2/3 adalah sesuatu yang menarik untuk dikaji kerana sokongan majoriti pengundi di Selangor memihak kepada parti-parti Pakatan Rakyat. Keadaan ini sangat berbeza dengan pilihanraya-pilihanraya sebelumnya iaitu pilihanraya 1959-2004 yang secara jelas memperlihatkan sokongan padu pengundi Selangor kepada parti Barisan Nasional. Perubahan ketara terhadap pola pengundian ini yang bertitik mula pada pilihanraya umum 2008

merupakan proses gabungan pelbagai faktor dan sumber dalam mempengaruhi pola pengundian di Selangor. Oleh itu perkembangan politik dan pilihanraya yang mutakhir ini di Selangor menuntut suatu kesungguhan yang padu oleh parti-parti politik yang bertanding untuk memenangi hati pengundi dan seterusnya mendapat tampuk kekuasaan di negeri termaju di Malaysia ini.

Penghargaan

Penghargaan kepada dana penyelidikan DPP-2013-189 Pilihan Raya Umum ke-13: Politik Lama vs. Politik Baru.

Rujukan

- Abdul Rashid Morten, Tunku Abdul Mohar (2006) *The 2004 General Elections in Malaysia: A mandate to rule*. University California Press. pp.319-340.
- Castells M (1996) *The rise of the network society*. Blackwell, Malden.
- Creswell JW (2009) *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods*. Edisi Ke 3. SAGE Publications Inc., California.
- Ghazali Mayudin (2002) *Politik Malaysia: Perspektif teori dan praktik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain (2011) *Kajian budaya politik Melayu dalam Pilihanraya Kecil Hulu Selangor, Selangor*. Jurnal Melayu (8), 153-172.
- Leicht KT, Jenkins JC (eds) (2010) *Handbook of politics - State and society in global perspectives*. Springer, New York.
- Ng Tien Heng (2003) *The contest for Chinese votes: Politics of negotiation or politics of pressure?* In: Francis Loh Kok Wah, Johan Saravanamuttu (eds) *New politics in Malaysia*, pp.87-106. Institute of Southeast Asia Studies, Singapore.
- Ramlan Johari (2012) N45 Galas, Kelantan (October 26 – November 4, 2010). In: Wong Chin Huat, Soon Li Tsin (eds) *Democracy at stake? Examining 16 by-elections in Malaysia, 2008-2011*, pp.163-170. SIRD, Petaling Jaya.
- Rizal Yaakop, Ghazali Mayudin (2008) Traditionalism and electoral politics in the Land of the Hornbills, Sarawak. *Jebat Rizal*, pp. 65-80.
- Samsudin A. Rahim (2010) Media, demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan Pilihanraya ke-12. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, pp. 1-15.
- Ser Kuang Keng, Kuek (2012) P94 Hulu Selangor, Selangor (April 17-25, 2010). In: Wong Chin Huat, Soon Li Tsin (eds) *Democracy at stake? Examining 16 by-elections in Malaysia, 2008-2011*, pp. 125 – 140. SIRD, Petaling Jaya.
- Sity Daud (2003) *Negara pembangunan Malaysia: Dari Dasar Ekonomi Baru kepada Dasar Pembangunan Nasional*. (Ph.D dissertation). University Kebangsaan Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1997) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1995*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1992) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1990*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1972) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1969*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1976) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1974*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1980) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1978*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1983) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1982*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (1988) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986*. Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (2002) *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1999*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Wei Hoong, Lu. N28 Kerdau, Pahang (February 26-March 6, 2011). In: Wong Chin Huat, Soon Li Tsin (eds) *Democracy at stake? Examining 16 by-elections in Malaysia, 2008-2011*. pp. 205 – 214. SIRD, Petaling Jaya.
- Weiss L (eds) (2003) *States in the global economy: Bringing domestic institutions back in*. Cambridge University Press, Cambridge.